

▼12/09/12-43MST

CNS0608

R GB 12-09 00202 BA029

bah

ANAK SELANGOR DIBERI KEUTAMAAN JADI DATUK BANDAR KL, KATA PM

Mahathir - Datuk Bandar

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa seorang anak Selangor akan menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur, menggantikan Tan Sri Elyas Omar yang meletakkan jawatan berkuatkuasa Khamis ini.

Katanya, semasa Bandaraya Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Feb, 1974, kerajaan telah berjanji akan memberi keutamaan kepada anak Selangor menjadi Datuk Bandarnya.

+Bagaimanapun syarat itu tidaklah begitu ketat kerana ia membolehkan juga kerajaan memilih anak negeri lain menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam keadaan-keadaan tertentu,+ katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-12 Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Dewan Muktamar, Pusat Islam, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai pengganti Elyas selepas jemaah menteri membuat keputusan menerima perletakan jawatan Datuk Bandar itu pada mesyuaratnya Selasa lepas.

Elyas mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur pada malam 1 Sept lepas kerana mengaku bertanggungjawab sepenuhnya terhadap isu berkaitan pembelian 23 buah kereta Volvo bernilai \$2.3 juta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikatakan dibuat tidak mengikut prosedur biasa perkhidmatan awam. -- Lagi

▼12/09/12-47MST

CNS0613

R GB 12-09 00168 BA030

bah

Mahathir - Datuk Bandar 2. (Akhir) Kuala Lumpur

Elyas berkata, perletakan jawatannya itu demi menjaga nama baik pentadbiran kerajaan dan memastikan kepercayaan orang ramai kepada DBKL akan berterusan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk mencari seorang anak Selangor yang layak menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya tidak ada calon yang layak, kerajaan terpaksa juga mengambil anak negeri lain seperti mana Elyas sendiri yang merupakan anak negeri Pulau Pinang.

+Syarat (yang mengatakan anak Selangor mesti diberi keutamaan menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur) ini juga menjadi satu masalah untuk memilih calon yang paling sesuai tetapi kita akan cuba cari, kalau tak dapat juga, tak payahlah (ikut syarat itu),+ jelas beliau.

Ditanya sama ada Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru akan dipilih daripada kalangan anggota politik atau perkhidmatan awam, beliau berkata, kerajaan masih belum membuat keputusan.

Katanya, beliau masih meneliti nama-nama calon Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dicadangkan oleh pelbagai pihak. -- Bernama.